



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

**KERATAN**

**AKHBAR**

**KESUMA”**

**RABU**

**4 SEPTEMBER 2024**



# 3 doktor ditahan kes pemalsuan tuntutan PERKESO

**SPRM jalankan siasatan lanjut, suspek mungkin ditahan reman**

**Oleh Austin Camoens**  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tiga doktor kanan di dua hospital Pulau Pinang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), susulan siasatan pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Difahamkan, dua daripada doktor itu ditahan di Hospital Seberang Jaya, manakala seo-

rang lagi di Hospital Bukit Mer-tajam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan penahanan tiga doktor itu semalam.

Beliau berkata, siasatan lanjut akan dijalankan SPRM, mereka mungkin akan ditahan reman.

"Ia (ditahan reman) bergantung kepada penemuan pegawai siasatan," katanya ketika dihubungi semalam.

Julai lalu, Ahli Dewan Negara, Dr RA Lingeswaran menggesa Kementerian Sumber Manusia menjelaskan dakwaan beberapa doktor yang mengendalikan tuntutan hilang upaya PERKESO digantung, dikaitkan dengan kartel memalsukan permohonan sedemikian.

Beliau memaklumkan Dewan

Negara, mereka digantung sehingga diberitahu kelak selepas PERKESO mendapat tahu mengenai kegiatan itu di sebuah hospital di Pulau Pinang.

## **Kartel sedang lobi**

Lingeswaran yang juga bekas Pengarah Hospital Sungai Bakap di Pulau Pinang berkata, beliau difahamkan kartel sedang melobi supaya doktor yang digantung itu kembali bertugas di hospital sama.

Beliau turut mengingatkan dewan terdapat 683 pengeluaran palsu dari 2018 hingga 2022 membabitkan kira-kira RM43 juta, iaitu 16 membabitkan seorang doktor tertentu yang perkhidmatannya ditamatkan selepas terbongkar.



<b>Akhbar</b>	<b>The Sun Daily</b>
<b>Tarikh</b>	<b>4 September 2024</b>
<b>Ruang</b>	<b>National</b>
<b>Muka Surat</b>	<b>3</b>



## 41,000 work related accidents reported as of June

**PUTRAJAYA:** A total of 41,278 work related accident cases have been reported to the Social Security Organisation (Socso) as of June, according to Human Resources Minister Steven Sim.

Speaking at the Conference on Asia Road Safety (CARS) on Monday, Sim highlighted that 21,503 cases, or 52.1%, were industrial accidents, while 19,770 cases were related to commuting.

"Tragically, 515 of the accidents were fatal, with 31.7% (163 deaths) resulting from industrial accidents and 68.3% (352 deaths) related to commuting," he said.

Sim added that in 2023, the total compensation disbursed under Socso's Employment Injury Scheme for related incidents exceeded RM1.39 billion.

As of June, the total compensation disbursed stands at about RM718 million.

"These figures underscore the severe and ongoing impact of workplace accidents on workers' lives. The substantial payouts reflect not only the financial burden but also the human cost associated with these incidents."

Sim emphasised that proactive measures are urgently needed to

mitigate such risks and prevent the continued rise in workplace accidents by strengthening safety protocols and improving workplace conditions.

Meanwhile, Transport Minister Anthony Loke reaffirmed the ministry's commitment to supporting all possible measures to reduce the tragic loss of lives caused by road crashes.

According to statistics from police, recorded traffic fatalities totalled 6,443 in 2023.

"This underscores the urgent need for renewed and intensified efforts to address road safety challenges. We must act decisively to curb this rise

and work towards achieving safer roads for all," Loke said, adding that Malaysia's Road Safety Plan 2022 to 2030 seeks to significantly reduce the number of road fatalities.

"The first three-year action plan (2022 to 2024) focuses on establishing governance platforms and mechanisms for effectively monitoring and evaluating road safety interventions across ten key areas. As we near the end of this first action plan, it is time to review our progress, refine our strategies and prepare for the next three-year plan (2025 to 2027) to reduce road fatalities," he added. – Bernama